

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.10/2016

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) akan melengkapkan tempoh pelantikannya. Sehubungan dengan itu, akan wujud kekosongan bagi jawatan tersebut.

2. Mengikut kaedah baru yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan haruslah memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut. **Kriteria Umum** pemilihan bagi jawatan-jawatan tersebut adalah seperti berikut :

Kriteria Umum:-

- i) **Kecemerlangan Akademik**
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar Negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus kearah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- iv) **Reputasi**
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan (*proven track record*) serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v) **Personaliti**
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti, Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh universiti.

4. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
- i) Curriculum Vitae yang lengkap dan kemas kini;
 - ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.
5. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf – **SULIT** – dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada Timbalan Pendaftar (Perjawatan), Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTM Johor Bahru selewat-lewatnya pada **31 Mei 2016**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah ”

Yang benar,



WAN MOHD ZAWAWI BIN WAN ABD RAHMAN

Pendaftar

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- YBhg. Dato' Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Ybhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah